

23 OKTOBER 2017

Bertengkar sebelum ditikam

Bertengkar sebelum ditikam

Anak anggota polis maut selepas mengalami kecederaan parah di muka, bahu

TEMERLOH - Seorang pencuci kereta tergamak menikam sepupu sendiri hingga mati selepas berlaku pertengkaran dan pergaduhan di sebuah rumah di Taman Temerloh Makmur di sini kira-kira jam 9.20 malam semalam.

Lebih kejam, mangsa ditikam empat kali di muka dan satu kali di bahu oleh sepupunya itu yang tinggal bersamanya sejak tiga bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Temerloh, Asisten Komisioner Zundin Mahmood berkata, mangsa Robiatul Ain Mahamod, 27, maut selepas ditikam dipercayai dengan pisau dan gunting di ruang tamu rumahnya.

Menurutnya, siasatan awal mendapati, mangsa yang juga peniaga kedai makan pada mulanya bertengkar dengan suspek berusia 26 tahun tetapi bertindak di luar dugaan dengan menikam mangsa hingga mengalami kecederaan parah.

"Rumah tersebut didiami mangsa bersama suami, adik mangsa dan suspek yang merupakan sepupu mangsa.

"Semasa kejadian hanya suspek dan mangsa berada di dalam rumah, suspek tak berpuas hati selepas dituduh mencuri dan menghisap dadah di dalam rumah tersebut lalu berlaku pergaduhan.

"Hasil keterangan daripada saksi yang berada di hadapan rumah dan jiran mengatakan pada jam 9.20 malam mereka terdengar pergaduhan di rumah mangsa... jiran terdekat hubungi bapa mangsa yang ketika itu berada di hospital kerana bertugas,"



Kejadian berlaku di rumah kedua milik anggota polis terbabit yang didiami mangsa, suami dan adik mangsa serta suspek.



Robiatul Ain meninggal dunia ketika menerima rawatan di Hospital Temerloh, malam semalam.

INFO • Mangsa ditikam empat kali di muka, satu kali di bahu



ROBIATUL AIN

katanya.

Zundin berkata, sebaik sahaja bapa dan adik lelaki mangsa tiba di rumah mereka mendapati pintu hadapan berukunci.

"Mereka pecahkan pintu, dan nampak mangsa terbaring di ruang tamu dengan kesan tikaman.

"Mangsa dibawa ke Hospital Temerloh sebelum disahkan meninggal dunia pada jam 10.37 malam ketika rawatan," katanya.

Beliau berkata, polis turut menemui sebilah pisau dan gunting yang dipercayai digunakan suspek ketika siasat-

an dijalankan.

"Kita berjaya tangkap mangsa di belakang sebuah rumah kosong kira-kira 70 meter dari lokasi kejadian.

"Bapa mangsa adalah anggota polis berpangkat sarjan dan bertugas di Balai Temerloh," katanya.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Suspek ada dua rekod jenayah

DALAM pada itu, Zundin berkata, suspek mempunyai dua rekod berkaitan dadah.

Menurutnya, suspek mempunyai rekod jenayah berkaitan dadah di bawah Seksyen 3 (1) Akta Penagih Dadah.

Menurutnya, pemeriksaan pada mangsa mendapati ada empat kesan tikaman menggunakan senjata tajam di bahagian muka dan satu di dada.

Zundin berkata, hasil siasatan mendapati keadaan di dalam rumah itu yang turut didiami suami dan adik lelaki mangsa ketika itu tiada di rumah.

"Siasatan lanjut polis



darah di ruang tamu.

"Ketika kejadian hanya mangsa dan suspek berada di rumah milik bapa mangsa itu yang turut didiami suami dan adik lelaki mangsa ketika itu tiada di rumah.

"Siasatan lanjut polis

Siasatan lanjut dapati, suspek dakwa tidak sedar apa yang berlaku. - Zundin

mendapati, suspek mendakwa tidak sedar apa yang berlaku," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, di Mahkamah Majistret Temerloh semalam, Majistret Najwa Hashim membenarkan suspek direman tujuh hari bermula semalam.